



SARANA

Sekolah



Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta
Suatu Inisiatif Utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025





**KEMENTERIAN PELAJARAN
MALAYSIA**



Sarana Sekolah
Suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan
penglibatan ibu bapa dan komuniti
dengan sekolah demi kecemerlangan
masa hadapan negara yang tercinta:

M A L A Y S I A

Kepercayaan kepada Tuhan
Kesetiaan kepada Raja dan Negara
Keluhanan Perlembagaan
Kedaulatan Undang-Undang
Kesopanan dan Kesusailaan

Malaysia berhasrat untuk mempunyai sistem pembelajaran yang dapat meningkatkan kejayaan murid. Hasrat ini lebih mudah dicapai apabila semua pihak termasuk sekolah, ibu bapa serta ahli komuniti bersatu dan menyokong satu matlamat - membantu murid berjaya.

Peranan ibu bapa dalam membantu pembelajaran anak di rumah tidak dapat dinafikan. Kajian menunjukkan apabila ibu bapa terlibat sama, sekolah mendapat manfaat berikut:

- Keyakinan guru meningkat
 - Pencapaian murid meningkat
 - Ibu bapa merasa mereka sebahagian dari sekolah dan lebih menyokong program sekolah
 - Kes disiplin dalam kalangan murid berkurangan
 - Hubungan lebih baik antara pentadbir, guru dan ibu bapa
- (Olsen & Fuller, 2008)

Penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak mereka perlu ditingkatkan. Sekolah merupakan penggerak utama dalam usaha ini. Bagi membantu sekolah meningkatkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah, Sarana Sekolah disediakan. Terkandung dalam sarana ini

- a) Sarana Penglibatan Sekolah dengan Ibu Bapa dan Komuniti
- b) Sarana Penglibatan Ibu Bapa dengan Anak
- c) Templat Prospektus Sekolah
- d) Templat Buku Komunikasi

Sarana Penglibatan Sekolah dengan Ibu Bapa dan Komuniti bertujuan memperkenalkan sekolah kepada enam (6) elemen yang akan menyokong Sistem Pembelajaran. Elemen-elemen tersebut, apabila dilaksanakan dengan sempurna, akan meningkatkan penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak mereka dan juga penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah.

Dalam merangka program bagi melaksanakan elemen-elemen yang menyokong pembelajaran, sekolah perlu bergabung dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru/Lembaga Pengelola Sekolah, alumni serta ahli komuniti setempat kerana semuanya merupakan rakan kongsi dalam mencemerlangkan murid.

*Istilah *ibu bapa* merujuk kepada sesiapa yang bertanggungjawab terhadap kebajikan anak dan terlibat secara aktif dengan pendidikannya.

Pengenalan

PENGENALAN

Sarana ini disediakan khas untuk pihak sekolah dan dilaksanakan secara kerjasama dengan rakan kongsi sekolah (Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Lembaga Pengurus Sekolah, Persatuan Bekas Murid/Alumni, Ahli Majlis Permuafakatan Sekolah dan ahli komuniti). Tujuan asasnya ialah untuk mempertingkatkan kerjasama antara pihak sekolah dan pihak yang mempunyai kepentingan dengan sekolah.

Sarana ini mengandungi soal selidik untuk pihak sekolah serta rakan kongsinya. Dapatan dari analisis selidik boleh digunakan untuk mengukur sejauh mana enam elemen yang menyokong pembelajaran dilaksanakan di sekolah. Analisis ini juga memberi ruang untuk pihak sekolah meningkatkan penglibatan ibu bapa dan ahli komuniti dalam menyediakan enam elemen yang menyokong pembelajaran.

Amalan-amalan terbaik daripada PIBG sekolah dalam dan luar negara disertakan dalam sarana ini untuk memberi gambaran usaha dan penglibatan mereka dalam membantu usaha sekolah dalam mencemerlangkan murid. Mudah-mudahan amalan-amalan tersebut akan dapat menambah cadangan kepada usaha-usaha yang dapat dilaksanakan sekolah dengan kerjasama PIBG/LPS dan ahli komuniti.

Cadangan-cadangan yang disertakan dalam sarana ini bukanlah merupakan usaha yang baharu maupun senarai lengkap kerana setiap sekolah mempunyai ibu bapa, komuniti, persekitaran, kemudahan serta pengalaman yang unik dan berbeza-beza. Walaupun demikian, setiap suatu usaha yang diambil oleh PIBG dan komuniti untuk terlibat lebih mendalam dengan sekolah amat wajar dialu-alukan.

Peningkatan dalam penglibatan ibu bapa dan komuniti dengan sekolah akan memberi peluang kepada ibu bapa dan komuniti memahami pentadbiran, tanggungjawab dan aktiviti sekolah dengan lebih jelas. Apabila mereka memahami keadaan yang berlaku di sekolah, mereka dapat membantu dengan lebih berkesan.



Sarana: (Segala) sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat dan sebagainya untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu.

- Kamus Dewan Edisi Keempat



Kandungan

1	Pengantar	2
2	Pengenalan	3
3	Kandungan	4
4	Mengapa Ibu Bapa Perlu Dilibatkan Di Sekolah?	5
5	Panduan Menggunakan Sarana	6
6	Soal Selidik	7
7	Tindakan	11
8	Keterangan Skor	12
9	Analisis Keseluruhan	15
10	6 Elemen Yang Menyokong Pembelajaran	
a)	Iklim Sekolah	16
b)	Komunikasi Berkesan	22
c)	Sokongan Terhadap Kejayaan Murid	26
d)	Tanggungjawab Bersama	31
e)	Keputusan Bersama	38
f)	Kerjasama Dengan Komuniti	40
g)	Kumpulan Sokongan Ibu Bapa	48
11	Penghargaan	52
12	Lampiran 1	53

KANDUNGAN



Mengapa Ibu Bapa Perlu Dilibatkan di Sekolah?

APABILA IBU BAPA TERLIBAT:

Faedah kepada murid

- Mendapat gred yang lebih baik
- Menunjukkan tibgkah laku yang lebih baik
- Mempunyai kemahiran sosial yang lebih baik
- Dapat menyesuaikan diri dengan lebih mudah di sekolah.

Faedah kepada sekolah

- Mencapai gred dan markah ujian yang lebih tinggi
- Pencapaian akademik jangka panjang
- Murid menunjukkan sikap dan tingkah laku positif
- Program sekolah lebih berjaya
- Sekolah lebih berkesan

PENGLIBATAN
IBU BAPA

HALANGAN KEPADA PENGLIBATAN IBU BAPA YANG BERJAYA

Tanggapan ibu bapa

- Tidak mempunyai masa
- Kekangan bahasa: tidak fasih menggunakan Bahasa Malaysia/Bahasa Inggeris
- Pihak sekolah tidak mengalukan kehadiran ibu bapa
- Tiada apa yang dapat disumbangkan
- Ibu bapa tidak perlu terlibat kerana mendidik murid ialah tanggungjawab sekolah

Tanggapan pihak sekolah

- Ibu bapa tidak mahu terlibat dengan sekolah
- Kehadiran ibu bapa di sekolah hanya akan mengganggu pentadbiran dan perjalanan sekolah
- Pihak sekolah cukup arif tentang cara mendidik murid, tidak perlu campur tangan ibu bapa

Panduan Menggunakan Sarana

PANDUAN PENGUNAAN

- 1 Pihak sekolah cetak dan edarkan kepada **semua ibu bapa Sarana Penglibatan Ibu Bapa Dengan Pembelajaran Anak (Sarana Ibu Bapa)**. Ibu bapa kembalikan kepada sekolah:
 - a) Borang A: Penyertaan Kumpulan Perbincangan Ibu Bapa
 - b) Borang B: Khidmat Bantu Kepada Sekolah
- 2 Pihak sekolah cetak **Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Sekolah** (Sarana Sekolah muka surat 7 hingga 10) untuk diedarkan kepada **semua pentadbir sekolah, semua guru, semua staf sokongan**, dan ahli komuniti (Ahli Mesyuarat Permuafakatan Sekolah, ahli alumni serta AJK Persatuan Ibu Bapa dan Guru).
- 3 Pihak sekolah cetak **Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Sekolah** (Sarana Sekolah muka surat 7 hingga 10) untuk diedarkan kepada **ibu bapa kepada seramai 10% jumlah bilangan murid**. Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Sekolah sama banyak di antara:
 - a) Ibu/bapa kepada murid pencapaian rendah
 - b) Ibu/bapa kepada murid pencapaian sederhana
 - c) Ibu/bapa kepada murid pencapaian tinggi
- 4 Biro maklumat PIBG analisis dapatan daripada
 - a) Borang A (Sarana Ibu Bapa)
 - b) Borang B (Sarana Ibu Bapa)
 - c) Lampiran 1 (Sarana Sekolah)
- 5 Pihak sekolah laksanakan mesyuarat dengan AJK PIBG/LPS dan AJK Persatuan Bekas Murid (Alumni)/ahli komuniti untuk membuat pelan tindakan dengan merujuk kepada **6 Elemen Yang Menyokong Sistem Pembelajaran** dan **Amalan Terbaik** dalam Sarana Sekolah. Beri prioriti kepada aktiviti/program yang berimpak tinggi dan kos rendah dalam menetapkan tindakan yang akan diambil.
- 6 Maklum kepada semua ibu bapa dan jemput penyertaan ibu bapa sebelum melancarkan sesuatu aktiviti/program.
- 7 Cetak dan edarkan semula borang **Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Sekolah** kepada ibu bapa dan ahli komuniti yang sama seperti di nombor 3 dan 4 di atas pada bulan Oktober.
- 8 Analisis dapatan dari **Soal Selidik Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti dengan Sekolah**. Ulang langkah 4 hingga 6.



Soal selidik penglibatan ibu bapa/penjaga dan komuniti dengan sekolah



Kajian ini bertujuan mendapatkan maklumat asas mengenai peglibatan ibu bapa/penjaga, dengan sekolah.

Semua dapatan adalah sulit dan tidak akan digunakan untuk tujuan selain daripada

Penghargaan

Kerjasama tuan/puan menjayakan kaji selidik ini amatlah dihargai.

SOAL SELIDIK

Arahan: Sila tandakan (✓) di ruang yang berkenaan.

A Responden

1. Soal selidik ini dilengkapi oleh

- Pengetua/Guru Besar
- Guru Penolong Kanan
- Guru
- Staf sokongan
- Ibu bapa
- Ahli komuniti (Ahli Majlis Permuafakatan/ AJK PIBG/LPS/Alumni)

B Iklim Sekolah

Ya Tidak

- 1 Di sekolah, amat jelas bahawa cadangan dan pendapat murid dan guru dihargai. (Peti cadangan, sudut pidato, sudut pendapat, facebook, twitter)
- 2 Di sekolah terdapat papan tanda mengalukan-alukan kehadiran ibu bapa/alumni/ahli komuniti.
- 3 Di sekolah semua ibu bapa, alumni dan ahli komuniti yang datang dilayan dengan penuh hormat oleh pentadbir, guru, murid dan staf sekolah.
- 4 Berhampiran pintu pagar sekolah, terdapat papan tanda yang jelas bagi membantu ibu bapa/ahli Lembaga Pengelola Sekolah (LPS)/alumni/ahli komuniti/pelawat menuju ke pejabat/tempat yang dituju.
- 5 Di sekolah terdapat ruang khas untuk ibu bapa/LPS/alumni dan ahli komuniti yang datang ke sekolah.

JUMLAH SKOR

C Komunikasi Berkesan

Ya Tidak

- 1 Pihak sekolah menyediakan panduan yang jelas untuk dipatuhi apabila ibu bapa/alumni/ahli komuniti dan pelawat berada di sekolah.
- 2 Pihak sekolah memaklumkan kepada ibu bapa dan komuniti mengenai peraturan sekolah.
- 3 Pihak sekolah memaklumkan kepada ibu bapa dan komuniti mengenai aktiviti yang ada di sekolah.

4	Pihak sekolah menghubungi ibu bapa yang tidak hadir ke mesyuarat yang melibatkan mereka	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Sekolah berkomunikasi dengan ibu bapa dan komuniti dengan memaparkan kegiatan sekolah di laman web sekolah/buletin/surat siaran/facebook.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH SKOR		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
D Sokongan Terhadap Kejayaan Murid		<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
1	Sekolah mengajar murid cara belajar.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Sekolah mengadakan pertemuan dengan ibu bapa untuk membincangkan kemajuan anak mereka secara holistik.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Di sekolah, kejayaan murid dalam berbagai bidang dibincangkan dalam mesyuarat PIBG/Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) dan Mesyuarat Permuafakatan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Sebulan sekali pihak sekolah meminta ibu bapa menyemak dan menandatangani buku latihan anak mereka.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Pihak sekolah memastikan setiap ibu bapa tahu bagaimana kemajuan anak mereka dinilai.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH SKOR		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
E Tanggungjawab Bersama		<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
1	Sekolah meminta kerjasama ibubapa dan ahli komuniti untuk membimbing murid dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Pihak sekolah mempelawa ibu bapa dan ahli komuniti sama-sama menguruskan program kecemerlangan akademik murid.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Pihak sekolah mempelawa ahli komuniti sama-sama menguruskan program sahsiah murid.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Pihak sekolah mempelawa ibu bapa dan ahli komuniti sama-sama melatih murid dalam persatuan, sukan dan permainan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Pihak sekolah mempelawa ahli komuniti sama-sama melatih murid dalam aktiviti persatuan di sekolah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH SKOR		<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

F Keputusan Bersama	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
1 Pihak sekolah menyediakan peti cadangan untuk mendapat maklumbalas daripada ibu bapa dan ahli komuniti.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2 Pihak sekolah mengkaji maklumbalas dari ibu bapa dan ahli komuniti dan mengambil tindakan sewajarnya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3 Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dan ahli komuniti dalam merancang program untuk murid. (Program akademik dan bukan akademik)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4 Pihak sekolah mendapatkan pandangan PIBG/LPS dan ahli komuniti dalam usaha meningkatkan peratus kedatangan murid.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5 Pihak sekolah mendapatkan pandangan PIBG/LPS dan ahli komuniti dalam usaha mengurangkan kes disiplin dalam kalangan murid.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH SKOR	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
G Kerjasama dengan komuniti	<input type="checkbox"/> Ya	<input type="checkbox"/> Tidak
1 Sekolah mempunyai PIBG/LPS yang aktif.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2 Sekolah mempunyai Persatuan Bekas Murid/ Persatuan Bekas Pelajar (Alumni) yang sering menganjurkan program untuk sekolah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3 Sekolah mempunyai program khas untuk penglibatan komuniti di sekolah.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4 Sekolah mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh ahli komuniti (seperti gotong royong, membersihkan rumah ibadat dan kerja amal di rumah kanak-kanak/rumah orang tua dsb.)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5 Sekolah menggalakkan kemudahan sekolah (seperti padang, dewan dan bilik darjah) digunakan untuk program komuniti.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
JUMLAH SKOR	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

TINDAKAN

TINDAKAN

1

Bagi setiap jawapan 'Ya' berikan '1' markah dan setiap jawapan 'Tidak' berikan '0' markah.

2

Jumlahkan skor bagi setiap bahagian.

3

Analisis skor setiap bahagian bagi analisis ibu bapa dan ahli komuniti. Bandingkan dengan dapatan sekolah.

4

Bentuk pasukan bertindak yang dianggotai ahli PIBG/LPS, alumni dan ahli komuniti setempat mengikut kesesuaian.

5

Secara **kolaboratif**, senaraikan tindakan yang perlu diambil untuk mengatasi kekurangan mengikut keutamaan.

6

Rujuk kepada penerangan mengenai Sistem Pembelajaran serta Amalan Terbaik dalam menentukan tindakan yang akan diambil.

7

Maklum kepada ibu bapa tindakan yang akan diambil serta pelawa mereka turut serta dalam melaksanakan tindakan.

8

Laksanakan tindakan.

Keterangan Skor

1) Iklim Sekolah

Jumlah Skor	Indikator Tahap Iklim Sekolah	Iklim Sekolah Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah telah memastikan sekurang-kurangnya aspek asas iklim sekolah disediakan. Murid dan guru rasa selamat dan dihargai di sekolah. 	Iklim sekolah meliputi: a) Aspek fizikal b) Aspek sosial c) Aspek emosi d) Aspek akademik
2 – 3	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah telah memastikan beberapa aspek iklim sekolah disediakan. Warga sekolah menunjukkan sikap hormat-menghormati antara satu dengan lain. 	
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah telah memastikan iklim sekolah menyokong pembelajaran dan semua pihak berkepentingan dialu-alukan dan dihargai. 	

KETERANGAN SKOR

2 Komunikasi Berkesan

Jumlah Skor	Indikator Komunikasi Berkesan	Komunikasi Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah memaklumkan kepada ibu bapa mengenai peraturan dan aktiviti sekolah 	Komunikasi berkesan meliputi ti perkongsian maklumat secara dua hala dengan :
2 – 3	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah berkomunikasi secara dua hala dengan ibu bapa 	a) Murid b) Guru dan kakitangan c) Ibu bapa d) Ahli komuniti
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah berkomunikasi secara dua hala dengan ibu bapa dan ahli komuniti 	

Keterangan Skor

KETERANGAN SKOR

3 Sokongan Terhadap Kejayaan Murid		
Jumlah Skor	Indikator Sokongan Terhadap Kejayaan Murid	Sokongan Terhadap Kejayaan Murid Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Sekolah mengajar murid cara belajar (Learning how to learn) 	Sokongan terhadap kejayaan murid meliputi: <ol style="list-style-type: none"> Mendapatkan pandangan ibu bapa dalam menetapkan target anak mereka Melibatkan ibu bapa dalam perbincangan mengenai kejayaan anak mereka Melibatkan ibu bapa dalam memantau kemajuan anak mereka
2 – 3	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none"> Sekolah bekerjasama dengan ibu bapa untuk menyokong kejayaan murid Prestasi murid dibincang dalam mesyuarat PIBG/LPS 	
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa dilibatkan sama dalam menyemak buku latihan anak mereka secara berkala Setiap ibu bapa dimaklumkan cara anak mereka dinilai (akademik dan kokurikulum) 	

4 Tanggungjawab Bersama		
Jumlah Skor	Indikator Tanggungjawab Bersama	Tanggungjawab Bersama Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dalam program di sekolah 	a) Pihak sekolah, ibu bapa dan ahli komuniti saling bekerjasama demi kepentingan masa depan murid.
2 – 3	Sedang maju <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam program di sekolah 	b) Ibu bapa dan ahli komuniti menjadi rakan kongsi sekolah dalam semua aktiviti kecemerlangan murid.
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam program di dalam dan luar sekolah 	

Keterangan Skor

KETERANGAN SKOR

5 Keputusan Bersama		
Jumlah Skor	Indikator Keputusan Bersama	Keputusan Bersama Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah mendapatkan pandangan ibu bapa dalam merancang program kecemerlangan murid. 	<p>Sokongan terhadap kejayaan murid meliputi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pandangan dan penilaian ibu bapa dihargai. Keputusan mengenai cara mengatasi masalah disiplin murid dibuat bersama ibu bapa dan ahli komuniti. Majlis permuafakatan digunakan sebagai landasan untuk merancang program kecemerlangan murid dan mengatasi masalah disiplin.
2 – 3	Sedang Maju <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah mendapatkan pandangan ibu bapa dan ahli komuniti untuk meningkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah dan menangani kes disiplin. 	
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah menyediakan peti cadangan untuk mendapatkan maklum balas dari ibu bapa dan komuniti. Pihak sekolah mengkaji maklum balas dan mengambil tindakan sewajarnya. 	

6 Kerjasama Dengan Komuniti		
Jumlah Skor	Indikator Kerjasama Dengan Komuniti	Kerjasama Dengan Komuniti Yang Menyokong Pembelajaran
0 – 1	Asas <ul style="list-style-type: none"> Sekolah mempunyai PIBG/LPS dan alumni yang aktif. 	<ol style="list-style-type: none"> Pihak sekolah, ibu bapa dan ahli komuniti saling bekerjasama demi kepentingan masa depan murid.
2 – 3	Sedang maju <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah bekerjasama dengan ahli komuniti dalam melaksanakan program sekolah 	<ol style="list-style-type: none"> Ibu bapa dan ahli komuniti menjadi rakan kongsi sekolah dalam semua aktiviti kecemerlangan murid.
4 - 5	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Pihak sekolah melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam program di dalam dan luar sekolah 	

ANALISIS KESELURUHAN

Jumlahkan kesemua markah 'Ya' anda.

Bil	Aspek	Markah
1	Iklim Sekolah	
2	Komunikasi Berkesan	
3	Sokongan Terhadap Kejayaan Murid	
4	Tanggungjawab Bersama	
5	Keputusan Bersama	
6	Kerjasama dengan komuniti	
JUMLAH		

Indikator

Jumlah Markah Keseluruhan	Indikator
0 – 6	Asas <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan elemen yang menyokong pembelajaran di peringkat asas/minimum Berbincanglah dengan PIBG/LPS/Alumni/Ahli Majlis Permuafakatan sekolah anda serta ahli komuniti untuk membentuk kerjasama
7 – 24	Sedang maju <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan elemen yang menyokong pembelajaran pada peringkat sederhana Pihak sekolah boleh meningkatkan penglibatan menghubungi PIBG/LPS/Alumni/Ahli Majlis Permuafakatan sekolah anda serta ahli komuniti bagi mendapatkan kerjasama dan sokongan dalam program sekolah
25 – 30	Cemerlang <ul style="list-style-type: none"> Sekolah anda telah menggunakan semua ruang dan peluang untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran PIBG/LPS/Alumni/Ahli Majlis Permuafakatan sekolah anda serta ahli komuniti dilibatkan sepenuhnya dalam mencemerlangkan murid Sekolah anda boleh menjadi contoh kepada sekolah lain dan PIBG/LPS/Alumni/Ahli Majlis Permuafakatan sekolah anda serta ahli komuniti boleh menjadi mentor bagi sekolah lain

Elemen Yang Menyokong Pembelajaran

1 Iklim Sekolah

Iklim sekolah menggambarkan aspek fizikal dan psikologikal sekolah yang menjadi prasyarat untuk pengajaran dan pembelajaran.

Iklim sekolah merujuk kepada:

a) Aspek fizikal

Adakah keadaan fizikal sekolah mengalu-alukan murid dan guru untuk ke sekolah dan kondusif untuk pembelajaran?

Contoh:

- Keselamatan dan keselesaan murid diutamakan
- Kawasan sekolah dan tandas bersih
- Bilik darjah menarik dan teratur
- Peralatan yang disediakan selamat untuk diguna
- Papan penunjuk arah disediakan untuk memudahkan ibu bapa

b) Aspek sosial

Adakah sekolah menggalakkan komunikasi dan interaksi antara murid dan guru, guru dan ibu bapa/penjaga, pihak sekolah dan komuniti?

Contoh:

- Murid berinteraksi secara aktif dengan guru
- Suasana tidak hingar bingar
- Murid digalakkan memberi cadangan dan pendapat
- Keputusan dibuat dengan mengambil kira pendapat semua pihak berkenaan
- Staf dan murid dilatih untuk menyelesaikan masalah
- Staf berinteraksi dengan berkesan dengan ibu bapa dan ahli komuniti
- Staf sekolah melayan ibu bapa dan ahli komuniti dengan mesra dan penuh sopan
- Murid dilatih menghormati staf sekolah, ibu bapa dan ahli komuniti yang datang ke sekolah
- Ibu bapa rasa dialu-alukan dan dihargai apabila berkunjung ke sekolah



Elemen Yang Menyokong Pembelajaran

SISTEM PEMBELAJARAN

c) Aspek emosi

Adakah sekolah menggalakkan semangat kekitaan dan harga diri?

Contoh:


- Murid bangga berada di sekolah
- Murid merasa diri mereka sebahagian daripada sekolah
- Murid, guru dan kakitangan merasa mereka penting dalam menentukan kejayaan sekolah
- Murid berkeyakinan terhadap staf sekolah
- Murid dan staf dihormati
- Pendapat murid dihormati
- Pencapaian murid diiktiraf dan diraikan
- Ibu bapa merasakan sekolah tempat yang menarik dan mesra
- Guru bersemangat untuk membantu murid berjaya

d) Aspek akademik

Adakah sekolah menggalakkan pembelajaran dan pencapaian kendiri?

- Guru merancang pembelajaran dengan mengambil kira murid mempunyai kecerdasan pelbagai
- Harapan terhadap murid tinggi. Semua murid diberi galakkan dan bantuan untuk mencapai harapan tersebut
- Guru mempunyai pengetahuan dan keyakinan yang tinggi
- Kemajuan murid kerap dipantau
- Pencapaian dan kejayaan murid dihargai
- Pencapaian murid dalam penilaian dan peperiksaan disampaikan kepada ibu bapa dengan segera


(<http://outreach.msu.edu/bpbriefs/issues/brief31.pdf>)



SENARAI SEMAK IKLIM FIZIKAL

Adakah ...

- Kawasan sekolah bersih?
- Papan tanda jelas menunjukkan arah dari tempat letak kereta ke pejabat ?
- Papan tanda penunjuk arah dari tempat letak kereta ke pejabat ditempatkan berhampiran pintu masuk utama?
- Papan tanda ‘Selamat Datang’ di pintu masuk sekolah?
- Waktu persekolahan dipamirkan berhampiran pintu masuk utama?
- Prosedur keselamatan melibatkan tetamu jelas dan semua pelawat perlu mendapatkan pas masuk?
- Apabila memasuki kawasan sekolah, terdapat panduan keselamatan yang jelas untuk pelawat?
- Apabila memasuki kawasan sekolah, pelawat diminta untuk mengambil lencana/pas yang tertulis ‘IBU BAPA,’ ALUMNI,’ ‘SUKARELAWAN,’ atau ‘PELAWAT’, bagi menunjukkan pihak sekolah menganggap mereka dihargai?
- Buku tetamu diletakkan di pejabat untuk ditanda tangan oleh pelawat yang berkunjung ke sekolah?
- Di papan kenyataan terdapat ucapan penghargaan dan terima kasih kepada PIBG/LPS/alumni/ komuniti atas sumbangan mereka?
- Papan-papan kenyataan dan bahan pameran berpusatkan murid, menarik, kini dan diselenggara baik?
- Gambar, papan kenyataan dan pameran mencerminkan kepelbagaiannya murid serta kepelbagaiannya budaya di sekolah?
- Bahan terbitan berkaitan pendidikan dipaparkan dan mudah diakses oleh ibu bapa, ahli komuniti dan pelawat?



Elemen Yang Menyokong Pembelajaran

IKLIM SEKOLAH : AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

AMALAN TERBAIK

SK ZAINAB (2), KELANTAN

PIBG mempunyai bilik sendiri di sekolah

PIBG mengumpul kutipan sebanyak RM20,020 dari Majlis Makan Malam Amal untuk melengkapkan Bilik PIBG dengan carta organisasi, komputer, printer, buku-buku, bahan-bahan rujukan, set sofa dan papan kenyataan yang mengandungi maklumat-maklumat terkini PIBG.

Logo PIBG ialah "We Give Everything, and Ask for Nothing"

SK(P) METHODIST, KUANTAN

Tempat Menunggu Ibu Bapa di sekolah

Menyediakan tempat ibu bapa menunggu anak balik dari sekolah. Dengan adanya tempat menunggu ini, ibubapa merasa lebih selesa ketika menunggu anak-anak pulang. Selain menunggu, mereka juga dapat beramah mesra dan berkongsi idea untuk kebaikan sekolah. PIBG berharap dengan adanya kerjasama dari ibubapa dan guru dapat memajukan lagi sekolah kerana MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT (Moto PIBG)


Laman web berguna:

- 1) Does Your School's Atmosphere Shout Welcome?
http://www.educationworld.com/a_admin/admin/admin424.shtml
- 2) CREATING A POSITIVE SCHOOL CLIMATE
<http://www.edu.gov.mb.ca/k12/specedu/fas/pdf/3.pdf>
- 3) PROMOTING A POSITIVE SCHOOL CLIMATE
A Resource for Schools
<http://www.edu.gov.on.ca/eng/parents/IntroDocEng.pdf>
- 4) POSITIVE SCHOOL CLIMATE
www.edu.gov.mb.ca/k12/specedu/beh/pdf/3.pdf

education.vic.gov.au



Learning Pyramid



IKLIM SEKOLAH : AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK ULU LUBAI, SARAWAK: Sudut Info

PIBG di sekolah atau laman web

Pihak sekolah memperuntukkan papan notis khas di kawasan sekolah bagi mempamerkan sumbangan dan aktiviti sekolah yang melibatkan PIBG. Sudut info ini turut mempamerkan senarai ahli jawatankuasa PIBG berserta gambar supaya ahli jawatankuasa merasakan diri merekadiiktiraf oleh pihak sekolah.



SK(P) METHODIST, KUANTAN

Bilik Gerakan PIBG

Bilik ini dilengkapi dengan carta organisasi, computer riba, printer dan bahan rujukan. Dengan adanya bilik ini, ahli jawatankuasa dapat menjalankan kerja persatuan dalam suasana yang selesa.


SEKOLAH RENDAH AGAMA BANDAR SERI PUTRA (SRA-BSP)

Bilik Pengurusan PIBG telah diperuntukkan oleh sekolah untuk memberikan suasana selesa PIBG menjalankan program.

Laman web berguna:

- 1) Best Practice Briefs
<http://outreach.msu.edu/bpbriefs/issues/brief31.pdf>
- 2) Why schools needs to cultivate a climate of "Welcoming"
<http://www.racebridgesforschools.com/wp/?p=1322>
- 3) Relationship Between School Climate and Family Involvement
<http://www.ncrel.org/sdrs/areas/issues/envrnmnt/famncomm/pa3lk5a.h>
- 4) National School Climate Standards
Benchmarks to promote effective teaching, learning and comprehensive school improvement
<http://www.schoolclimate.org/climate/documents/school-climate-standards-csee.pdf>

**AMALAN
TERBAIK**



IKLIM SEKOLAH : AMALAN TERBAIK ANTARABANGSA

http://www.educationworld.com/a_admin/admin/admin424.shtml

At Weatherly Elementary School in Huntsville, Alabama, principal Teri Stokes stations herself right inside the front doors. The school's lobby has a welcoming appearance, but the truly welcoming atmosphere extends beyond "the cosmetics," said Stokes.

"I stand in the lobby so I can welcome students and visitors into the building. Our assistant principal stands at the side entrance and does the same thing. We make sure that the parents and students know that we are a safe place where learning takes place, both for students and staff."

"I am always willing to make an extra effort to ensure that visitors will have nothing but positive things to say about our school."


--- Principal Tammy Quist

"Our receptionist warmly greets everyone who enters the building. She is our number-one public relations person."

--- Principal Deborah Harbin

One way Harbin and her staff have created a "nice," welcoming atmosphere is to start every day with a handshake. "We shake hands in the morning with everyone who enters the building. When we shake hands, we say things like 'I'm so glad you're here today' or 'Welcome back' or 'Have a great day'. The students love this ritual, which makes everyone feel welcomed to school."

AMALAN
TERBAIK



2 Komunikasi Berkesan

Sekolah berkesan menyampaikan maklumat kepada ibu bapa dan warga sekolah melalui komunikasi dua hala. Perkongsian maklumat penting dalam menjamin kejayaan murid. Adakah sekolah berkomunikasi dengan baik dengan murid, staf, ibu bapa, alumni dan komuniti?

Contoh:

Ibu bapa:

- maklum peraturan sekolah
- maklum mengenai jadual persekolahan anak termasuk jadual untuk aktiviti kokurikulum
- maklumkan aktiviti yang disertai anak mereka
- maklumkan mengenai visi dan misi sekolah
- maklumkan kerja rumah yang perlu disiapkan oleh anak mereka
- dianggap rakan kongsi oleh pihak sekolah

Guru dan kakitangan bukan guru:

- maklum peraturan yang perlu dipatuhi
- mempunyai kemahiran interpersonal
- menghormati dan menggalu-alukan pendapat murid dan ibu bapa serta ahli komuniti

Sekolah:

- mengalu-alukan maklum balas dari ibu bapa dan ahli komuniti
- kerap berkomunikasi dengan ibu bapa sebagai rakan kongsi melalui buku komunikasi murid, laman web sekolah, buletin, surat siaran dan sebagainya.
- merancang supaya kerja rumah yang diberi menggalakkan murid berinteraksi dengan ibu bapa mereka

Laman web berguna:

- 1) **Educational Leaders – Effective Communications**
<http://www.educationalleaders.govt.nz/Managing-your-school/Guides-for-managing-your-school/Effective-communications>
- 2) **The Teacher's Role in Home/School Communication: Everybody Wins**
<http://www.ldonline.org/article/28021/>



KOMUNIKASI BERKESAN: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK(P) METHODIST, KUANTAN:

Penerbitan Buletin/Website

Penerbitan Buletin PIBG MGS sebagai perantara antara murid, ibu bapa dan guru - bertujuan untuk merakyatkan PIBG. Selain dari menyalurkan maklumat dan aktiviti yang diadakan, tip-tip pembelajaran dan kesihatan juga dimasukkan ke dalam Buletin ini.

Sumbangan TV di perkarangan sekolah - memaklumkan program PIBG kepada warga sekolah dan memanfaatkan program Astro Tutor untuk murid Tahun 6.

SMK SERI LALANG, KLUANG, JOHOR:

Kaunter PIBG Hari Bertemu

Pelanggan

Semasa Hari Bertemu Pelanggan, PIBG membuka satu kaunter selain dari Kaunter Disiplin, Kaunter Guru Kanan Bidang, Kaunter Bimbingan dan Kaunseling dan Kaunter Asrama.

Kaunter PIBG dijaga oleh AJK PIBG secara bergilir-gilir dan segala aduan dan cadangan diutarakan dalam mesyuarat PIBG yang terdekat.

**AMALAN
TERBAIK**


SK ULU LUBAI, LIMBANG, SARAWAK: Vista Long House

(Papan Kenyataan Rumah Panjang)

Menyebarluaskan informasi terkini SK Ulu Lubai kepada komuniti di rumah panjang.

PIBG menampal kertas-kertas informasi sekolah, risalah-risalah dari Kementerian Pelajaran Malaysia, dan laporan keputusan ujian semester murid di papan kenyataan rumah panjang Guru Besar, Semua Penolong Kanan, Semua Guru, Ahli Jawatankuasa Rumah Panjang memantau pelaksanaannya.

Pihak sekolah juga mempunyai Facebook Group yang disertai oleh PIBG dan Alumni sekolah. Ia menjadi tempat untuk menghebahkan informasi tentang aktiviti sekolah serta mendapat maklumbalas secara langsung dari pihak PIBG, alumni dan masyarakat luar.



KOMUNIKASI BERKESAN: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

KISAS, KLANG



PIBG mempunyai blog PIBG KISAS dan facebook PIBG KISAS melalui pautan ke laman sesawang rasmi KISAS @ <http://kisas.org> yang mana maklumat dan aktiviti sentiasa dikemaskini. Facebook PIBG KISAS diurusoleh PIBG.

Sebarang perkara/urusan sulit yang ingin disampaikan kepada PIBG boleh disampaikan melalui emel PIBG di alamat pibg_kisas@gmail.com

SK ZAINAB (2), KOTA BHARU, KELANTAN


Mewujudkan laman PIBG dalam Website Sekolah : www.skz2.edu.my dan facebook PIBG bagi menyalurkan maklumat PIBG dan meningkatkan komunikasi berkesan.

**AMALAN
TERBAIK**



Does your school's physical environment say "Welcome!"? How does it accomplish that?

- Are parents and other visitors treated in special ways?
- Do you go out of your way to welcome parents and community members who might otherwise feel uncomfortable in your school?



KOMUNIKASI BERKESAN : AMALAN TERBAIK ANTARABANGSA

http://www.educationworld.com/a_admin/admin/admin424.shtml

Phone calls are also excellent tools for making parents feel comfortable and welcomed, added Bettelyoun. "On a daily basis, several of our teachers make random phone calls to their students' parents to engage in positive conversation about their children. Every day, I personally call the homes of all of students who are absent to speak with their families in a positive way."

**AMALAN
TERBAIK**


"Being visible is part of the job, and being visible and approachable go hand in hand."
-- Director Jim Pastore

Once inside the school's lobby, a small seasonally decorated table provides visitors with easy access to school pamphlets, flyers, newsletters, bumper stickers, PTA information, and more.

"One of the things we provide at the information table in our lobby is a 'PTA Ambassadors' list," said principal Lolli Haws. "That is a list of parents who are willing to be called by any other parent who has a question. Categories of ambassadors include New to Oakridge, Too; Have a Child with Special Needs; and Have a Child in the Gifted Program. We also have lists for parents who live in specific neighborhoods or apartment complexes. Each 'list' has a parent's name, phone number, and email address for easy contact. Parents love the lists."

Laman web
berguna

- 1) Support for Principals
<http://www.nspra.org/principals>
- 2) Effective Communication Between Parents and Teachers
http://theparentacademy.dadeschools.net/pdfs/Effective_Communication.pdf
- 3) Communicating with Parents: Strategies for Teachers
<http://www.adl.org/journal/ss05/Graham-Clay.pdf>



3) Sokongan Terhadap Kejayaan Murid

Ibu bapa, staf sekolah, PIBG/LPS, alumni dan ahli komuniti perlu bekerjasama untuk menyokong pembelajaran murid secara aktif di sekolah dan di luar sekolah.

Adakah sekolah bekerjasama dengan PIBG/LPS dan ahli komuniti untuk menyokong usaha murid untuk berjaya?

Contoh:

- Sekolah membantu murid dalam menetapkan sasaran mereka.
- Sekolah membantu murid merancang masa depan dengan mengikuti aliran yang sesuai dengan mereka.
- Pertemuan diadakan dengan ibu bapa untuk membincangkan kemajuan anak mereka.
- Ibu bapa diminta membantu memupuk minat membaca dalam kalangan anak mereka (SPI Bil13/1998: Program Membina Tabiat Membaca)
- Di awal setiap tahun, ibu bapa dimaklumkan apa yang akan dipelajari anak mereka sepanjang tahun persekolahan agar ibu bapa dapat membantu anak mereka di rumah.
- Kejayaan murid dijadikan agenda perbincangan dalam mesyuarat dengan PIBG/LPS/alumni dan komuniti setempat.
- Program motivasi diadakan untuk murid dan ibu bapa mereka.
- Ibu bapa dimaklumkan bagaimana anak mereka dinilai.



i-telecommunications.blogspot.com

Kejayaan pelajar di sekolah-sekolah bergantung banyak pada hubungan dalam kalangan semua rakan kongsi pembelajaran di sekolah. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam hubungan ini. Mereka mempunyai wawasan, minat dan kemahiran serta komitmen untuk anak-anak mereka untuk kejayaan semua murid. Ibu bapa mempunyai hak dan tanggungjawab untuk terlibat dalam pembelajaranan anak-anak mereka. <http://www.bccpac.bc.ca>



SOKONGAN TERHADAP KEJAYAAN MURID: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK ZAINAB (2), KELANTAN Program 'Cakna Mentoring'

Ibu atau bapa yang menyertai program ini akan menjadi mentor dan mengambil 5 orang murid Tahun 6 di bawah pengawasan mereka. Ibu bapa ini mengambil inisiatif berjumpa 'anak-anak' mereka secara mingguan, sama ada mengajar sendiri atau mengupah guru luar untuk memastikan 'anak-anak' mereka mendapat keputusan yang baik.

SMK Taman S.E.A Petaling Jaya Membiaiyakos

- pemasangan kanopi sementara di dewan sekolah bagi pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Hidup.
- menghapuskan dan membuat penyelenggaraan anai-anai di dewan sekolah.
- membaiki kipas siling di dewan sekolah.
- membeli trofi untuk murid cemerlang sempena Majlis Hari Kecemerlangan Akademik.
- membeli komputer riba dan mesin pencetak untuk kegunaan di bilik peperiksaan.

SK ZAINAB (2), KELANTAN

Program 'Assistant Teacher'

Pembantu Guru yang terdiri daripada ibu-ibu murid berada dalam bilik darjah Tahun 1 setiap hari untuk membantu murid-murid membaca, menulis dan mengira serta membantu murid-murid Tahun 1 menyesuaikan diri dengan alam persekolahan dan menjadikan sekolah sebagai tempat yang menyeronokkan.

SK ZAINAB (2), KELANTAN

PIBG menyediakan Set Komputer Guru di Makmal Komputer, Set Komputer untuk Info Sekolah, Mesin Fotostat di Pejabat, Penapis Air di Musalla dan Kerusi Batu di Taman Muafakat.

SJK(C) Kong Min, Kuantan: Bantuan Kewangan/Sumbangan

Persatuan Kebajikan Xim Poh Moon memberi sumbangan RM5000.00 setiap tahun kepada sekolah. Di samping itu, persatuan tersebut juga memberi sumbangan kepada warga sekolah pada musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidil Fitri dan Deepavali.

SJK(C) Kong Min, Kuantan:

Pembinaan Galeri Gemilang

Ibu bapa kepada seorang murid telah menaja kos sebanyak RM15,000.00 untuk membina sebuah Galeri Gemilang. Segala dokumen berkaitan kegemilangan sekolah dipamirkan di galeri tersebut bertujuan memberi semangat kepada murid untuk meneruskan usaha gemilang.

AMALAN TERBAIK



SOKONGAN TERHADAP KEJAYAAN MURID: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

**AMALAN
TERBAIK**

SMK SERI LALANG, KLUANG, JOHOR: Guru Muda (GM) Siswa

AJK PIBG dan guru memantau setiap aktiviti dalam program ini. Program ini mengumpulkan mahasiswa dan mahasiswi dari pelbagai universiti di seluruh negara yang berkesanggupan disatukan melalui facebook. Mereka menerapkan budaya murni dalam diri pelajar dan semangat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

Pelajar yang terlibat adalah pelajar luar bandar termasuk yang tinggal di kawasan FELDA.

SK ULU LUBAI, SARAWAK: PROKAT

PIBG mewujudkan suasana kelas yang kondusif. Ini dapat memupuk nilai cintakan kebersihan dan kekemasan kelas dalam diri pelajar. Setiap hari ibu bapa, guru dan murid akan bertanggungjawab membersih dan memastikan alat-alat dan perhiasan dalam bilik darjah dalam keadaan baik dan terjaga mengikut kumpulan kelas masing-masing. Hiasan dalam bilik darjah ialah sumbangan daripada setiap kumpulan melalui persetujuan bersama setiap kumpulan. Keadaan bilik darjah sentiasa selamat digunakan dan sentiasa berkunci apabila kelas tidak digunakan oleh murid.


Program ini dapat memupuk nilai rasa tanggungjawab antara murid dan ibu bapa dalam kelas dan menanam rasa kepunyaan di antara pihak sekolah dengan PIBG, komuniti, alumni dan murid dalam kelas.

SK St Thomas, Kuantan : Hari Anugerah Cemerlang

Hadiyah Hari Anugerah Cemerlang Sekolah disumbang oleh ibu bapa. Mereka menjaja hadiah yang disukai melalui surat edaran jenis hadiah yang akan diberi kepada murid cemerlang. Ini membolehkan kualiti hadiah yang lebih baik diberi kepada murid. Murid berasa bangga menerima

SJK (C) Kong Min, Kuantan : Pembinaan Dewan Serbaguna

Lembaga Pengurus Sekolah (LPS) dan PIBG telah mengumpul dana untuk membina sebuah Dewan Serbaguna. Dewan digunakan untuk aktiviti seperti perhimpunan, pertandingan, majlis, Pendidikan Jasmani dan juga tempat berkumpul murid sidang petang.



SOKONGAN TERHADAP KEJAYAAN MURID: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN


SK ZAINAB (2), KELANTAN: *Bantuan Kewangan meneruskan pelajaran*

PIBG mengambil berat kebajikan setiap murid. Salah seorang murid cemerlang sekolah iaitu Nik Nur Ezzah Izzati bt Nik Mat telah mendapat tawaran belajar di SM Sains Sultan Abdul Halim, Kedah. Malangnya bapa murid tersebut tidak mampu untuk menghantar anaknya ke sana kerana tidak mempunyai wang yang mencukupi. Hubungan baik AJK PIBG dengan pihak Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan membolehkan bapa murid tersebut mendapat bantuan RM1000 dan salah seorang ahli PIBG menyumbang RM500.

SK (P) Methodist, Kuantan: *Penubuhan Mini Band*

Mini 'Brass Band'- ditubuhkan pada awal tahun 2012. Penubuhan Brass Band ini memerlukan dana yang besar. Memandangkan SK(P) Methodist, Kuantan ialah sebuah sekolah Bantuan Modal, maka PIBG mengambil langkah menubuhkannya dengan mendapatkan sumbangan dari ibubapa, badan koperat dan lain-lain. Selain dapat menaikkan imej sekolah, sekolah juga dapat memberi peluang kepada murid-murid yang berminat dalam bidang muzik mengembangkan bakat mereka dan berkemahiran dalam menggunakan alat muzik.

**AMALAN
TERBAIK**



SOKONGAN TERHADAP KEJAYAAN MURID: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SMK Seri Lalang, Johor

Guru Muda SM Sains Johor

AJK PIBG memberi dana dan memantau program ini di mana pelajar yang cemerlang dalam subjek Sains dan Matematik dari SM Sains Johor melatih tubi pelajar Tingkatan 3 dan 5 SMK Seri Lalang yang akan menghadapi peperiksaan PMR dan SPM.

SMK SERI LALANG, KLUANG, JOHOR

Program Nukleus

Lanjutan dari Program Guru Muda. Calon PMR dibimbing dalam mata pelajaran Sains dan Matematik oleh pelajar SMS Johor selama 7 hari dengan menjalani kehidupan bersama. Bagi calon SPM mereka dibimbing dalam mata pelajaran Matematik Tambahan dan Fizik. Pelajar-pelajar itu perlu menyiapkan modul latihan yang diberi bersama-sama. PIBG turun padang memberi sokongan moral menjayakan program ini.


SMK Jalan Tasek

Menyalurkan bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi 10 orang pelajar miskin dan seorang yang tidak mampu menjelaskan yuran PIBG.

SEKOLAH RENDAH AGAMA BANDAR SERI PUTRA (SRA-BSP)

IBG menyediakan tuntutan untuk guru pergi berkursus sebanyak RM10 dalam daerah dan RM50 luar daerah kerana sekolah tidak dapat peruntukan dari Jabatan.

AMALAN TERBAIK



4) Tanggungjawab bersama

Guru dan ibu bapa harus mencari jalan untuk melengkapkan kemahiran dan pengetahuan masing-masing. Dengan memberi tumpuan kepada pelajar dan membangunkan teknik komunikasi yang berkesan, mereka boleh bekerja bersama-sama untuk membina satu pelan pendidikan yang memenuhi keperluan pelajar dan disokong oleh sekolah dan keluarga.

Adakah sekolah melibatkan rakan kongsi (ibu bapa /alumni/komuniti) dalam usaha menjayakan murid? Melibatkan ibu bapa/penjaga dalam pembelajaran anak mempunyai kesan terhadap kejayaan mereka.

Apabila ibu bapa dilibatkan sama, murid akan:


- menunjukkan prestasi yang lebih baik
- lebih kerap hadir ke sekolah
- rasa seronok ke sekolah dan menunjukkan keperibadian yang lebih baik
- lebih berkemungkinan untuk meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi

Contoh:

1) Ibu bapa/penjaga

- dilibatkan sama dalam memantau kemajuan anak mereka
- dilibatkan sama dalam membimbing anak mencapai matlamat mereka
- diminta memastikan anak mereka mempunyai jadual belajar di rumah
- dilibatkan sama dalam mengurus program kecemerlangan akademik
- dimaklumkan ciri-ciri hasil kerja murid yang baik
- dilibatkan dalam melatih murid dalam kegiatan kokurikulum
- dilibatkan dalam melatih murid untuk pertandingan
- dibawa berbincang tentang kemajuan murid
- sama-sama mengiringi murid semasa pertandingan dan lawatan (rujuk SPI 12/2000: Lawatan Pendidikan Murid Di Hari Persekolahan)

2) PIBG/LPS alumni/ahli komuniti dilibatkan sama dalam menguruskan program kecemerlangan akademik serta kokurikulum.



TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK UluLubai, Limbang, Sarawak: Program Belajar Malam Di Rumah Panjang


Diadakan disetiap hujung minggu iaitu Jumaat malam dan Sabtu malam serta di waktu malam semasa cuti sekolah.

Program untuk semua murid Tahun 1 hingga Tahun 6 dan murid prasekolah digalakkan hadir.

Program dijalankan di 4 buah kampong di sekitar sekolah. Program dipantau oleh ibu bapa sementara kehadiran diambil oleh pengawas dan disemak oleh guru bertugas harian. Murid membuat ulangkaji pelajaran dan membuat kerja rumah.

Murid menyiapkan kerja rumah dengan baik dan dapat meningkatkan prestasi mereka. Murid dapat mendisiplinkan diri dalam mengurus masa belajar dengan baik. Tahap kesedaran mengenai pentingnya pelajaran juga ditingkatkan. Wujud kerjasama ibu bapa di dalam bersama-sama memantau perkembangan pelajaran anak-anak dan bergilir-gilir mengawasi mereka belajar.

**AMALAN
TERBAIK**



Laman web berguna:

1) Parent-School Partnerships

<http://sparkpolicy.com/buildingbridges/documents/TAParentMulti-tieredModel.pdf>

2) Family-School Collaboration Services: Beliefs Into Action

<http://www.nasponline.org/publications/cq/40/5/family-school-collaboration.aspx>

3) Parental Involvement is Key to Student Success

<http://www.publicschoolreview.com/articles/12>

4) Parent-Teacher Conference Tip Sheets for Principals, Teachers, and Parents

<http://www.hfrp.org/var/hfrp/storage/fckeditor/File/Parent-Teacher-ConferenceTipSheet-100610.pdf>

TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN


SK (P) Methodist, Kuantan: Sumbangan Asas Persekolahan

Sarapan pagi percuma dan sumbangan vitamin untuk semua murid Tahun 6. Menurut kajian 30% murid sekolah rendah tidak bersarapan sebelum ke sekolah. Sarapan amat penting untuk sel otak kanak-kanak berfungsi dengan baik. PIBG telah menyediakan sarapan seperti susu, bijirin dan roti. Vitamin juga diberi. Ini salah satu usaha yang dibuat khas untuk murid Tahun 6 agar mereka lebih cerdas sebelum memulakan pembelajaran, mewujudkan suasana ceria dalam kalangan mereka ketika bersarapan bersama kawan-kawan. PIBG juga dalam perancangan untuk memperluaskan program ini kepada murid Tahun 4 dan 5.

**AMALAN
TERBAIK**

SK (P) METHODIST, KUANTAN

- **Bantuan Kemudahan Asas Sekolah**
 - 1) Sumbangan tangki air untuk kegunaan kantin sekolah
 - 2) Sumbangan menjelaskan bil elektrik, telefon, air, IWK dan penyelenggaraan
- **Sumbangan Keselamatan Sekolah- Memastikan keselamatan murid terjamin**
 - 1) Projek menaiktaraf tempat letak kereta
 - 2) CCTV
 - 3) Menaiktaraf pintu pagar/pintu masuk sekolah
 - 4) Membayai gaji jaga sekolah



TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK (P) METHODIST, KUANTAN: Keselamatan Sekolah

- Sumbangan menaiktaraf landskap
- Membina gazebo
- Sumbangan cat semula bangunan dan pagar

Untuk menwujudkan suasana yang lebih ceria untuk murid-murid. Gazebo-gazebo yang terdapat di perkarangan sekolah di manfaat sapenuhnya oleh murid. Selain terdapat alat permainan tradisional seperti congkak dan sebagainya, ianya dijadikan tempat untuk membaca sewaktu rehat atau ketika menuggu ibubapa selepas


SK (P) METHODIST, KUANTAN: 'House Call'

Objektif program ini adalah untuk merakyatkan PIBG, memberi sumbangan dalam bentuk kewangan dan sokongan moral ketika warga MGPS ditimpa musibah seperti kematian, kemalangan dan sebagainya dan juga mewujudkan nilai murni yang perlu diterap pada setiap insan. 'House Call' juga membantu murid yang dikenal pasti mempunyai masalah. Peranan 'House Call' ini diharap dapat meringankan beban guru-guru.

SJK (T) Indera Mahkota: Bantuan Persekolahan Murid

YAYASAN Buddhist Taiwan membiayai bantuan persekolahan murid sebanyak RM13,000.00

**AMALAN
TERBAIK**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK (P) METHODIST, KUANTAN: Projek Kemahiran/Kehijauan

a) Projek Hidroponik

Projek ini adalah hasil usaha PIBG dengan kerjasama guru-guru sekolah dan Kelab Pencita Alam. Projek ini mendedahkan kepada murid bahawa untuk menanam sayur, tidak semestinya memerlukan tanah yang luas. Hasil sayuran dari kaedah ini dijual kepada pihak kantin dan juga ibubapa bagi menambah kewangan PIBG.

b) Projek Ikan Keli


Objektif projek ini ialah supaya murid dapat mengenali jenis ikan. Ikan keli mempunyai beberapa jenis antaranya Keli Bunga, Keli Eksotika, Keli Limbat, Keli Mata kati, Keli Rusia, Keli Afrika, Keli Jeram dan Keli Hutan. Dengan adanya projek ini murid-murid dapat melihat sendiri habitat ikan ini. PIBG bersama warga sekolah (guru-guru, pekerja am dan ibu bapa) telah membina kolam ikan dan mencari anak ikan keli. Ikan keli ini diberi makan oleh kumpulan murid yang dipilih mengikut jadual yang ditetapkan. Apabila ikan keli sudah cukup matang, ikan dijual kepada warga MGPS .

SK Alam Megah 2, Shah Alam: Menjamin keselamatan dan kebersihan sekolah

PIBG member elauan kepada pengawal keselamatan sekolah untuk mengawal lalulintas murid semasa dating dan balik sekolah.

Melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja mencuci dan membersih serta memperuntukkan RM1,434.50 untuk tujuan tersebut. Di samping itu juga, sebahagian daripada peruntukan tersebut adalah untuk membeli bahan pencuci.

**AMALAN
TERBAIK**



TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor

- *Membiayai Baju T untuk petugas Kejohanan Sukan Tahunan*
- *Membiayai jamuan Hari Sukan Tahunan*
- *Membiayai Majlis Anugerah Kokurikulum*
- *Membiayai duit poket pemain ragbi*
- *Membiayai perbelanjaan Kumpulan Nasyid MTQ*
- *Membiayai perbelanjaan Pasukan Ragbi - Terbuka UPM, High School*
- *Membiayai perbelanjaan Pertandingan Reka Cipta & Kejuruteraan SBP*
- *Membiayai bayaran Jurulatih Kriket*
- *Sumbangan Pertandingan Eksplorasi Alam Kerjaya*
- *Membiayai Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) guru dan staf KISAS*

**AMALAN
TERBAIK**


SMK Jalan Tasek, Ipoh

Menyalurkan bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi 10 orang pelajar miskin dan seorang yang tidak mampu menjelaskan yuran PIBG.

SMK Seafield, USJ 2, Subang Jaya

Karnival Keluarga Bahagia

Menyediakan kemudahan kepada pelajar untuk bersukan secara ‘indoor’ disamping tempat latihan persembahan kebudayaan dan kesenian yang lebih sempurna. PIBG telah membina sebuah bangunan kokurikulum secara lebih teratur.



TANGGUNGJAWAB BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SMK SEAFIELD, USJ 2, SUBANG JAYA: Karnival Keluarga Bahagia

Menyediakan kemudahan kepada pelajar untuk bersukan secara 'indoor' disamping tempat latihan persembahan kebudayaan dan kesenian yang lebih sempurna. PIBG telah membina sebuah bangunan kurikulum secara lebih teratur.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata penglibatan ibu bapa secara berterusan amat diperlukan bagi membolehkan perkembangan semasa persekolahan anak-anak dapat diikuti sekaligus membantu pengurusan sekolah merencanakan pembangunan aktiviti sekolah secara bersepadu.

<http://www.mstar.com.my>




cmsad.um.edu.my

Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada Rabu, berkata agenda pendidikan negara tidak boleh dilaksanakan secara bersendirian oleh kerajaan sebaliknya melibatkan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan ia mencapai taraf dan kualiti tinggi setanding negara maju.<http://www.mstar.com.my>

SJK(T) INDERA MAHKOTA KUANTAN: Pembiayaan kos pengangkutan

Kelab Rotary Kuantan melalui PIBG sekolah membiayai kos pengangkutan (van dan bas) murid yang kurang mampu sebanyak RM15,000.00 setahun.

**AMALAN
TERBAIK**



5 Keputusan bersama

Matlamat membuat keputusan bersama dengan ibu bapa, PIBG/LPS/Alumni dalam hal berkaitan kemajuan dan kebajikan murid ialah untuk mengubah sistem persekolahan kepada sistem pembelajaran. Bagi menjamin pembelajaran berlaku di dalam dan di luar sekolah, rakan kongsi seperti ibu bapa, PIBG/LPS/Alumni perlu dilibatkan dalam membuat keputusan serta digerak dan diupayakan.

Adakah sekolah melibatkan rakan kongsi (ibu bapa/alumni/komuniti) dalam membuat keputusan berkaitan usaha menjayakan murid?

Contoh:


- Pendapat ibu bapa dirujuk dalam menetapkan sasaran murid.
- PIBG/LPS/alumni/komuniti dilibatkan dalam menetapkan program motivasi murid.
- PIBG/LPS/alumni/komuniti dilibatkan dalam menetapkan program peningkatan murid.
- PIBG/LPS/alumni/komuniti dirujuk dalam usaha meningkatkan peratus kehadiran murid.
- PIBG/LPS/alumni/komuniti dirujuk dalam usaha mengurangkan peratus kes disiplin dalam kalangan murid.
- PIBG/LPS/alumni/komuniti dilibatkan dalam menilai program sekolah.
- Hubungan sekolah dengan ahli majlis permuafakatan adalah erat.
- Sekolah menyediakan peti cadangan untuk mendapat maklumbalas ibu bapa.

Successful models of family involvement honor families by validating and celebrating any level of involvement or contribution they make. These models focus on the assets that families bring to school and community groups.

Partnerships with families will have lasting results when our day to day practices and policies are built on three basic qualities:

- **Sense of belonging:** Everyone wants to feel that they belong and families are no different. Families who feel included and respected will then work toward the greater goal of helping others. Welcome them!
- **Competence:** Families just may have the solution you've been seeking. Recognize their competence as a partner in the teaching-learning cycle. Families learn a lot about their children's needs as they navigate complex systems. They want to learn more. Offer opportunities for shared learning.
- **Usefulness:** Families have learned countless ways they can assist others to find paths leading to success and independence for their children. Invite them to share!

<http://www.parentsreachingout.org/resources/publications/familyinvolvement/fcdecision.pdf>



KEPUTUSAN BERSAMA: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK AlamMegah 2, Shah Alam

Slogan PIBG “Anak Kita, Sekolah Kita, Tanggungjawab Kita”

- *Menjadikan agenda keselamatan lalulintas sebagai yang paling utama*
- *Jawatankuasa PIBG telah menghantar surat rasmi kepada Majlis Bandaraya Shah Alam*
 - *Pemasangan “Lampu Trafik Melintas” untuk menggantikan “Lampu Amaran Kelajuan” yang sedia ada.*
 - *Penurapan semula “Speed Breaker”.*
 - *Pemanjangan jarak “Speed Breaker”.*
 - *Pemasangan pagar di kawasan longkang besar di Hadapan sekolah.*
 - *Pembinaan “Tempat Menunggu Pelajar*

**AMALAN
TERBAIK**

**SEKOLAH RENDAH
AGAMA BANDAR SERI
PUTRA (SRA-BSP), Kajang**


Target sekolah untuk melahirkan pelajar tahun 6 yang boleh menguasai wirid dan doa selain cemerlang dalam peperiksaan PSRA.



<http://www.chd.ubc.ca/dhcc/ourwork/isdm>

6 Kerjasama dengan komuniti

Bagaimana sekolah meningkatkan kejayaan murid melalui kerjasama dengan komuniti



Kerjasama dengan komuniti satu proses menyelesaikan masalah secara bersama melibatkan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam kejayaan murid.

Contoh:

- Semua pihak mempunyai matlamat yang sama dalam menyelesaikan masalah.
- Semua pihak merasa mereka penting dalam menyumbang ke arah kejayaan murid.
- Semua pihak berkepentingan selesa bekerjasama antara satu dengan lain.
- Semua pihak menghormati antara satu dengan lain.
- Kemudahan sekolah dikongsi dengan ahli komuniti.
- Warga sekolah melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti komuniti.



Kerjasama dengan komuniti: Amalan Terbaik Kebangsaan

Sunday May 20, 2012

National award for Kuantan school PTA

By KANG SOON CHEN
educate@thestar.com.my

For the first time, a primary school gets national honours for a programme that ensures its pupils have a proper breakfast.

AN AMBITIOUS plan of getting pupils to have their breakfast, earned the Parent-Teacher Association (PTA) of the Methodist Girls Primary School Kuantan, Pahang, praise and an award.

The association which won the inaugural National Best PTA Award in the primary category last month, started a programme this year to provide free breakfast to its Year Six pupils.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin presented a trophy and cash prize of RM30,000 to headmistress Hamidah Mansor and PTA chairman Datuk Dr Johan Mat Sah.

"It is not uncommon for children in Malaysia to skip breakfast because they have to leave home for school very early in the morning," said Hamidah, adding that a survey carried out by the school showed that a significant number of pupils did not have the habit of eating breakfast.


Nutrition experts have long championed the benefits of eating breakfast. They say that those who have breakfast tend to exhibit better classroom behaviour and score higher in certain subjects.

"Children who go to school on an empty stomach may not be able to concentrate well in the classroom," said Hamidah.

To give pupils a headstart in school, the PTA collected funds to purchase milk, cereals and vitamin supplements for the free breakfast programme.

According to Hamidah, the programme received positive feedback from parents and the PTA was now planning to expand the programme to pupils in Years Four and Five.

AMALAN
TERBAIK



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK ZAINAB (2) KELANTAN

Kelab Doktor Muda bersama Hospital USM

PIBG mengusahakan lawatan pihak Hospital USM Kubang Kerian dalam program Kelab Doktor Muda. Kemuncak program ialah Kolokium Kesihatan - Health is Wealth yang diadakan di perkarangan sekolah. Murid-murid sekolah sekitar turut dijemput.



peoplesfreespace.org

**AMALAN
TERBAIK**



SK ZAINAB (2) KELANTAN *Memperkasa etos sekolah dengan DBP*


PIBG membina kerjasama erat dengan DBP untuk memperkasa etos sekolah iaitu e-Qalam. DBP dijemput untuk membimbing murid menghasilkan karya bermutu dan diterbitkan dalam Majalah Jendela Timur dan Dewan Pelajar.

SK ZAINAB (2) KELANTAN : Program bersama PDRM

PIBG dan sekolah menganjurkan program bersama PDRM untuk menjamin keselamatan anak-anak.

Laman web berguna:

- 1) http://pta.org/Issue_Brief-SeeingisBelieving.pdf
- 2) <http://www.ves-pta.org>
- 3) http://www.vesselspta.com/home_reading.php
- 4) <http://wp.lps.org/fredstrom/blog/2012/03/06/pta-read-a-thon-kickoff-assembly/>
- 5) <http://www.castaiclementarypta.org/readingisfun.htm>



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK ULU LUBAI, SARAWAK : Ngerupan (Gotong royong)

Bagi memastikan persekitaran sekolah sentiasa bersih dan bebas dari pelbagai penyakit PIBG telah menjalankan aktiviti

- *Membersih dan membaiki jalan raya*
- *Membersih dalam dan luar kawasan sekolah*
- *Membuat papan tanda Tugu Sekolah*
- *Membuat papan tanda*
- *Membuat mural*
- *Membuat tempat mandi*
- *Menyediakan makanan dan minuman*


Aktiviti ini mewujudkan rasa kepunyaan PIBG, Komuniti dan alumni terhadap sekolah serta memupuk nilai-nilai murni yang perlu ada pada masyarakat sekitar.

SK ZAINAB (2) KELANTAN

Sekolah Angkat PUSPA (Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor)

Usaha PIBG mendapatkan Persatuan Kemajuan Wanita Kelantan Kuala Lumpur yang diterajui oleh Profesor Datuk Dr Nik Safiah Karim untuk menjadikan SK Zainab (2) sebagai sekolah angkat. Setiap tahun majlis permuafakatan diadakan dan murid miskin dijadikan anak angkat oleh persatuan dengan diberi bantuan RM50 sebulan seorang sehingga murid tersebut tamat persekolahan (tamat Tingkatan 5 atau Tingkatan 6 atas).

**AMALAN
TERBAIK**



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SK(P) METHODIST, KUANTAN

1) Penyertaan Antarabangsa ke Turki

PIBG menaja penyertaan murid ke Turki. SK(P) Methodist, Kuantan mendapat undangan menyertai Festival kanak-kanak Sedunia 2011 di Koacelli, Turki. Memandangkan ini peluang untuk PIBG memberi pendedahan kepada murid-murid dan juga memperkenalkan kebudayaan Malaysia di peringkat antarabangsa, PIBG telah berusaha dan berjaya mengumpul dana sebanyak RM110,000.00 bagi menampung kos tersebut.

2) Lawatan ke Melbourne, Australia

Dua orang wakil PIBG telah mengikuti rombongan Jabatan Pelajaran Negeri ke Melbourne pada Oktober 2010 atas perbelanjaan sendiri. Hasil lawatan ini banyak memberi idea kepada PIBG dan sekolah untuk dimanfaatkan kepada murid. Salah sebuah sekolah yang dilawati ialah Al Taqwa College, yang telah membuat kunjungan balas ke SK(P)Methodist pada 2011.


3) Lawatan ke Bandung, Indonesia

Seramai 15 orang murid, 3 orang guru dan 3 orang wakil PIBG menyertai program ini. Selain dari membuat persembahan Tarian Tradisional di SD Merdeka 5, delegasi juga mengadakan program Perkongsian Ilmu Bahasa Inggeris di mana satu sudut Bahasa Inggeris di perpustakaan sekolah tersebut diwujudkan.

SK Alam Megah 2, Shah Alam

PIBG membayar "Wi-Fi System" sekolah dan juga kelengkapan computer beserta "printer" di Bilik Guru untuk memudahkan lagi para guru SKAMD menggunakan fasiliti email mereka. Website SKAMD menjadi "nadi" komunikasi yang amat berguna di antara pihak sekolah dan ibubapa.

**AMALAN
TERBAIK**



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SEKOLAH RENDAH AGAMA BANDAR SERI PUTRA (SRA-BSP)

Kumpulan nasyid sekolah diperkenalkan sebagai salah satu aktiviti pelajar dan usaha PIBG untuk mengutip dana sekolah Sekolah membuka tawaran kepada sebarang penganjur untuk menjemput kumpulan nasyid sekolah membuat persembahan di tempat mereka.

**AMALAN
TERBAIK**

SK(P) METHODIST, KUANTAN Program Seminar Keibubapaan


Objektif program ini adalah bagi merapatkan hubungan antara guru dan ibubapa agar dapat bertukar pandangan bagi melahirkan insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Juga mewujudkan semangat setiakawan dan sumber jaringan ilmu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti.

Solat Hajat Perdana - Mengadakan Solat Hajat khususnya untuk murid Tahun 6 yang akan menduduki perperiksaan UPSR .

SK ALAM MEGAH 2: Hari Bacathon.

- *Kutipan Kad Bacathon oleh pihak ibu bapa.*
- *Strategi kedua ialah melalui sumbangan sector swasta dengan insentif pelepasan cukai daripada pihak LHDN.*

Mendapatkan bantuan daripada Proton Edar Sdn Bhd "Mountain Bike" berkualiti tinggi yang canggih untuk dihadiahkan kepada murid yang cemerlang UPSR.



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SMKA Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor: Makan Malam Permata Hamidiah.

Satu wadah untuk menjalin kerjasama terbaik antara pihak sekolah, PIBG serta pelbagai agensi, masyarakat setempat bagi menyerlahkan lagi kecemerlangan sekolah ini.

Mengumpul dana PIBG dengan anggaran RM 100.000.00 untuk perkara-perkara berikut

- Melengkapkan kemudahan ICT sekolah
- Membina astaka di padang sekolah
- Membina mini pavilion di dataran pengetua
- Meyelenggara Surau al Hamidiah
- Membina Taman Sumber Sains Sekolah
- Meningkatkan kemudahan prasarana sekolah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi merangsang kecemerlangan akademik dan potensi diri pelajar secara menyeluruh.


Penglibatan ahli masyarakat pelbagai kaum terutama ibu bapa dalam aktiviti kurikulum dapat meningkatkan peluang untuk berinteraksi antara satu sama lain. Mereka boleh dilibatkan dalam aktiviti perkhemahan, pameran dan permainan yang berunsurkan kebudayaan pelbagai kaum. Pihak sekolah perlu memainkan peranan dalam usaha melibatkan ahli masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam aktiviti kurikulum.

Model baru RIMUP akan diperkenalkan
KPM September 13 2011



cmsad.um.edu.my

**AMALAN
TERBAIK**



KERJASAMA DENGAN KOMUNITI: AMALAN TERBAIK KEBANGSAAN

SMK SERI LALANG, KLUANG, JOHOR

- 1) *Program Pembangunan Sahsiah Pelajar*
- 2) *Program Maulidur Rasul*

PIBG menyumbang kos perbelanjaan dan aktiviti dijalankan secara rewang sebelum majlis diadakan

3) Briged Komuniti - Operasi Ponteng Bersama PIBG

Operasi ponteng bersepadu diadakan bersama dengan AJK PIBG, Ketua Kampung dan masyarakat, serta guru-guru. Operasi dijalankan selama 4 hari bagi menangani 20 orang pelajar yang ponteng berturut-turut dan tidak berturut-turut yang telah mendapat surat amaran ponteng. 90% pelajar yang terlibat dalam operasi ini telah kembali ke sekolah


4) Operasi Ponteng Bersama Ahli Masyarakat Cina

PIBG bekerjasama dengan ketua masyarakat Cina untuk mengatasi masalah kehadiran yang teruk dalam kalangan pelajar Cina.

Kolej Islam Sultan Alam Shah, Selangor

1. PIBG bekerjasama dengan kolej bagi membina jaringan dengan institusi pendidikanuar negara.
2. PIBG bekerjasama dengan kolej bagi membina jaringan dengan sekolah dari seluruh negara.
3. PIBG membina hubungan dengan organisasi dan orang perseorangan yang mempunyai kaitan dengan kolej seperti ALKIS da nbekas-bekas pelajar.
4. PIBG bekerjasama dengan kolej bagi memperbaharui Sijil MPC.
5. PIBG member sumbangan kepada kolej untuk lawatan ke SMA Manyar, Indonesia.

**AMALAN
TERBAIK**



KUMPULAN SOKONGAN IBU BAPA


Apa itu Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB)?

KISB ialah saluran kerjasama dan komunikasi untuk merapatkan hubungan di antara ibu bapa, murid dan sekolah. Melalui KISB lebih banyak interaksi, perkongsian dan percambahan ilmu dapat berlaku demi mewujudkan hubungan yang bermakna antara anda dan anak anda.

Antara objektif

- Mewujudkan rangkaian dan jalinan antara ibu bapa untuk saling belajar dan berkongsi amalan terbaik bagi membantu pembelajaran anak
- Mewujudkan sokongan berterusan
- Membantu apabila berlaku krisis
- Mengukuhkan tingkah laku positif dalam menghadapi masalah
- Membanu dalam meyalurkan perasaan marah ke arah tindakan yang positif
- Berkongsi maklumat, pandangan dan sumber
- Menyediakan latihan untuk ibu bapa untuk meningkatkan kemahiran
- Membantu dalam berurus dengan agensi-agensi pendidikan, perubatan dan lain-lain
- Mendapat sahabat baharu
- Meningkatkan keberkesanannya sekolah dengan memberi maklum balas yang membina.

Struktur KSIB



Sukarelawan KSIB

Ibubapa (IB) yang berkeinginan untuk menyumbang dan bergiat dalam bidang:

- Silaturahim sesame ahli PIBG – melawat ahli lain yang sakit, ditimpa musibah, menghadapi krisis dsb.
- Komunikasi – mengunjungi IB bagi merungkaikan masalah anak dsb.
- Dana dankemahiran – mencari dana dan kemahiran untuk aktiviti KSIB.
- Mewujudkan jaringan dan rangkaian – merapatkan PIBG dengan pihak lain bagi mendapatkan sokongan.
- Perundangan – membantu dari segi undang-undang sekiranya ada kes.
- Kesihatan – nasihat, amalan kesihatan di sekolah, khidmat bantu berkaitan.
- Keibubapaan – kemahiran keibubapaan.

Sukarelawan KSIB akan bertemu, berkongsi fikiran, pengalaman dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Bagaimana menubuhkan KSIB?

Penubuhan KSIB boleh mengikut saluran berikut:

1. Pemakluman PIBG kepada ahli-ahli dan soal selidik.
2. Edarkan boring sukarelawan KSIB.
3. Adakan mesyuarat penubuhan KSIB PIBG. Antara lain:
 - a. Nyatakan kenapa KSIB ditubuhkan, apa yang hendak dicapai dan apa yang hendak dilakukan bersama.
 - b. Bentuk beberapa jawatankuasa untuk objektif yang khusus, contohnya:
 - i. Silaturahim
 - ii. Komunikasi
 - iii. Pentadbiran
 - iv. Dana dan kemahiran dan sebagainya.
4. Adakan mesyuarat lanjutan bagi membentuk pelan tindakan dan rangka kerja.
5. Hubungi pihak yang dapat membantu seperti KEMAS, LPPKN, JKOA dan sebagainya dalam usaha mempertingkatkan kemahiran ibu bapa dalam aspek tertentu.

KSIB satu biro dalam PIBG.

Laman web berguna:

- 1) **Kumpulan Sokongan Ibu Bapa Penjaga 2**
http://yokuk.org/?attachment_id=116
- 2) **MySpecialChild.org**
<http://www.myspecialchild.org/Support%20Groups.htm>
- 3) **SpecialChild.org**
<http://www.myspecialchild.org/Support%20Groups.htm>

Terima Kasih & Penghargaan

Pasukan pembina Sarana

Pn. Asiah bt. Hamzah, Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Pahang
(Ketua Peneraju Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, Makmal GTP 2.0)

Ahmad Zafru bin Mat Yassin, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Pahang
(Pembina Sarana Ibu Bapa)

Faridah bt. Abd. Rahman, Penolong Pengarah Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pelajaran Pahang
(Pembina Sarana Sekolah)

Maklum balas:

JK Induk Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia
Semua Pegawai Perhubungan PIBG Jabatan Pelajaran Negeri dan Wilayah Persekutuan

Pengetua, Guru Besar, YDP /NYDP /JK PIBG:

SMK Palong 7, 73470 Gemas

SMK Bahau, 72100 Bahau

SMK Segambut Jaya, Jalan 4/38A, Segambut, 51200 Kuala Lumpur

SMK Dato' Ibrahim Yaacob, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur

SMK Katholik, Jalan 10/3, 46000 Petaling Jaya

SMK Taman Dato' Harun, Km 12 Jalan Klang Lama, 46000 Petaling Jaya

SMK Damansara Jaya, Jalan SS22A/1 Petaling Jaya, 47400 Petaling Jaya

SMK Durian Tunggal, Jalan Bukit Balai, Durian Tunggal Alor Gajah Melaka, 76100 Melaka

SK Rompin, 73500 Rompin, Negeri Sembilan

SK Jempol, 72100 Bahau, Negeri Sembilan

SK Taman Maluri, Jalan Burung Kasawari, Taman Bukit Maluri, Kepong, 52100 Kuala Lumpur

SK (L) Methodist Sentul, 51000 Kuala Lumpur

SK Bandar Utama Damansara (4), Bandar Utama Damansara (4). 47800 Petaling Jaya

SK Assunta 1, Jalan Assunta, 46050 Petaling Jaya

SK Sungai Way, Jalan SS9/13, 47300 Petaling Jaya

SMK Ghaffar Baba, Masjid Tanah Melaka, 78300 Melaka

Sekolah Rintis:

Pengetua, Guru Besar, PIBG, Ketua Kaum, Penghulu, Pemaju Masyarakat

SMK (P) Methodist, 25000 Kuantan

SMK Seri Bahagia, 28000 Temerloh

SMK Hwa Lian, 284000 Mentakab

SMK Sungai Lembing, 26200 Kuantan

SMK Lepar Hilir, 26300 Gambang

SK Bukit Sekilau, 25200 Kuantan

SJKC Mentakab 1, 28400 Mentakab

SJKT Ladang Mentakab, 28400 Mentakab

SK Bunut Rendang, 25150 Kuantan

SK Sungai Mas, 26200 Kuantan

SK St. Edward, Belimbang, Padawan, 93150 Kuching

SMK Pulau Gaya, 88852 Kota Kinabalu

Pengunjung dan pemberi maklum balas ke Petak Pameran "Ibu Bapa dan Komuniti" pada Hari Terbuka GTP2.0 di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu

Serta semua yang telah memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung.

Inisiatif Ibu Bapa, Komuniti dan Sektor Swasta, Makmal GTP 2.0
September 2012



Arahan: Sila tandakan (✓) di ruang yang berkenaan.

A Responden

1 Soal selidik ini dilengkapi oleh

- Pengetua/Guru Besar
- Guru Penolong Kanan
- Guru
- Staf sokongan
- Ibu bapa
- Ahli komuniti (Ahli Majlis Permuafakatan/ AJK PIBG/LPS/Alumni)

2 ANALISIS KESELURUHAN

Jumlahkan kesemua markah 'Ya' anda.

Bil	Aspek	Markah
1	Iklim Sekolah	
2	Komunikasi Berkesan	
3	Sokongan Terhadap Kejayaan Murid	
4	Tanggungjawab Bersama	
5	Keputusan Bersama	
6	Kerjasama dengan komuniti	
JUMLAH		



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
Blok E8, Kompleks E
62604 Putrajaya
Malaysia
Tel: 03 - 8884 6255 Faks: 03 - 8889 5235
<http://www.moe.gov.my>